



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO AHAD		
TARIKH	:	21/3/2021	MUKA SURAT	: 16
JABATAN	:	PERHILITAN / JPSM		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		



ABDUL JALIL memberi penerangan mengenai program Taman Negara Bird Group Count di Jerantut semalam.

100 peminat burung liar mula memriahkan Taman Negara

Kosmo Ahad 21/3/2021 M/S 16

JERANTUT – Taman Negara Kuala Tahan yang sunyi daripada kunjungan pelawat selama lebih setahun kini bertukar meriah apabila aktiviti pertama eko pelancongan iaitu Taman Negara Birds Count (TNBC) dimulakan hari ini sehingga 21 Mac di Kuala Tahan.

Pengerusi Bird Group Taman Negara (BGTN), Roslan Abu Kasim berkata, program itu memasuki tahun kelapan sejak dilancarkan pada 2014.

"Kita sudah pun dapat surat

kebenaran rasmi daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk anjur acara ini dengan sasaran seramai 100 orang peminat dan pengkaji burung liar," katanya di Kuala Tahan di sini semalam.

Menurut Roslan, BGTN dan Kolej Komuniti Pahang Barat selaku penganjur bersama alukan kehadiran peserta dari seluruh negara terutama dari negeri ini yang lebih mudah untuk turut serta berbanding dari negeri lain yang perlu mengikut pelbagai

syarat seperti menggunakan bas persiaran.

Sementara itu, Ahli Jawatankuasa BGTN dan juga Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Kemakmuran Kampung (JKKK) Kuala Tahan, Abdul Jalil Abd Rahman berkata, penganjur tetap memastikan peserta mematuhi prosedur operasi standard yang ditetapkan.

"Setelah kita dibenarkan, kami berharap semua peserta dapat patuhi syarat yang ditetapkan," ujarnya.